

MEMBELA

YAYASAN
JCORP

YAYASAN JCORP: DINOBATKAN "FOUNDATION OF THE YEAR - SUSTAINABILITY AND SOCIAL IMPACT EXCELLENCE"

Yayasan JCorp menerima anugerah *Foundation of the Year - Sustainability and Social Impact Excellence* pada Majlis Anugerah Sustainability & CSR Malaysia 2025.

Anugerah berprestij ini mengiktiraf peranan Yayasan JCorp dalam membantu masyarakat yang memerlukan dan mewujudkan inisiatif jangka panjang yang benar-benar memberi manfaat kepada komuniti di Johor.

Yayasan JCorp meluaskan peranannya daripada meningkatkan taraf hidup dan pendidikan masyarakat kepada memelihara seni, budaya dan warisan, menjaga alam sekitar, dan menyokong pembangunan inklusif di peringkat nasional. Semua inisiatif ini mengukuhkan komitmen Yayasan JCorp untuk terus Membina dan Membela generasi masa depan.

Encik Rozaini Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp bersama Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp telah menerima anugerah yang disampaikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 17 Julai 2025.

Yayasan JCorp turut mengucapkan tahniah kepada KPJ Healthcare Berhad atas kejayaan menerima dua anugerah iaitu:

Healthcare Group
of the Year - ESG Champion
Award




Company of the Year -
Long Standing Excellence
Award




Tempoh ini menyaksikan aktiviti-aktiviti penting dan pencapaian bermakna telah dicapai oleh Yayasan JCorp. Komitmen yayasan dalam pendidikan, kelestarian alam sekitar, seni, budaya dan warisan serta kesejahteraan komuniti kekal menjadi teras setiap inisiatif yang dijalankan. Dengan hala tuju yang semakin jelas, Yayasan JCorp berusaha untuk terus membentuk masa depan yang berdaya maju dan mampan untuk Johor, Malaysia dan dunia.

Isi Kandungan

01	Memperkasa Pendidikan	
	Gema Suara Belia Johor: Pertandingan <i>Choral Speaking</i> Peringkat Negeri Johor 2025	3
	Yayasan JCorp Perhebat Karnival Bahasa Inggeris 2025	4
	Graduan Pertama ADi: Bersedia Mengorak Langkah ke Hadapan	5
02	Memperkaya Seni, Budaya & Warisan	
	Pentas Seni Johor X Rimba Fest 2025: Apabila Seni Bergabung Dengan Alam!	6
	Bukan Sekadar Seni, Ia Pemangkin Semangat Baharu: Pentas Seni Johor @KotaJail	7
	Menyatukan Hati, Meraikan Budaya: Keretapi Sarong 2.0 X Pentas Seni Johor 2025!	8
03	Memelihara Alam Sekitar	
	Meneroka Ekosistem Rumput Laut, Khazanah Tersembunyi di Perairan Johor!	9
	Rehabilitasi Terumbu Karang, Memperkasa Komuniti	10
04	Menjamin Kesejahteraan Komuniti	
	Bengkel Kemahiran Yayasan JCorp untuk Golongan Kurang Upaya 2025	11
05	Aktiviti Kumpulan JCorp	
	1,111 Pokok Bakau Ditanam Demi Masa Depan Yang Lebih Hijau!	12
06	Kalendar Aktiviti	13



Pendidikan



Seni, Budaya & Warisan



Alam Sekitar



Kesejahteraan Komuniti



GEMA SUARA BELIA JOHOR: PERTANDINGAN CHORAL SPEAKING PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025

Suara belia Johor bergema pada pertandingan *Choral Speaking* Peringkat Negeri Johor 2025 (Kategori Sekolah Rendah & Menengah). Acara anjuran bersama Yayasan JCorp dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor itu berlangsung pada 19 & 20 Ogos 2025 di KOMTAR JBCC, Johor Bahru.

Bertemakan "Digital Dreams, Real Futures", pertandingan ini menghimpunkan pelajar-pelajar dari seluruh negeri untuk menunjukkan keyakinan diri, kepimpinan, serta kefahaman terhadap dunia digital melalui persembahan kreatif dalam Bahasa Inggeris. Persembahan para pelajar bukan sekadar menyerlahkan kreativiti dan semangat, malah membuktikan bagaimana kata-kata boleh menginspirasi perubahan ke arah dunia yang lebih berorientasi digital. Selain itu, pertandingan ini turut memupuk kemahiran literasi digital, mendorong

pelajar berfikir secara kreatif tentang masa depan di mana teknologi dan daya imaginasi saling berkait rapat.

Sepanjang dua hari program berlangsung, majlis penutup telah disempurnakan oleh tetamu kehormat. Hari pertama majlis penutup telah disempurnakan oleh Encik Ali Zainal Abidin Syed Mohamed, Timbalan Pengarah Perancangan dan Pengurusan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah serta Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp. Manakala pada hari kedua telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.



Senarai pemenang:

	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
Juara	SK Yong Peng, Batu Pahat	SMK Yong Peng, Batu Pahat
Tempat Kedua	SK Abdul Rahman Yassin, Kluang	SMK Sri Pulai Perdana, Kulai
Tempat Ketiga	SK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru	SMK Ungku Husin, Mersing
Konduktor Terbaik	Nur Arissa Raisya binti Aidil Izwan, SK Bukit Hampar, Segamat	Nur Izdiyani Batesya Masahud, SMK Taman Rinting 2, Pasir Gudang
Fan Favourite	SR Agama Bersepadu Kota Tinggi	SMK Taman Rinting 2, Pasir Gudang



Imbas kod QR untuk mendengar pandangan dan maklum balas para guru berkenaan acara ini.

Jumlah penyertaan (2023-2025):

2023	3,238
2024	4,759
2025	5,419

Objektif Program

- Memperkasa kemahiran komunikasi lisan dan ekspresi pelajar
- Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris secara menyeluruh
- Menyediakan platform bagi pelajar Johor untuk menonjolkan kreativiti serta keyakinan membuat pengucapan awam.



Pencapaian Program

- 5,419 pelajar** dari 11 daerah menyertai pertandingan *Choral Speaking* Yayasan JCorp, manakala **440 pelajar** bertanding di peringkat Negeri Johor.
- Seramai **26,411 pengunjung** hadir ke KOMTAR JBCC sepanjang acara berlangsung.
- Mencatat lebih **1 juta tontonan** di media sosial Yayasan JCorp bagi tempoh antara 28 Julai hingga 24 Ogos 2025, dengan bilangan pengikut meningkat sebanyak **2,300 orang**.
- SK Yong Peng** mencipta sejarah apabila menjadi **Johan Peringkat Kebangsaan** (Kategori Sekolah Rendah) manakala **SMK Yong Peng** meraih **tempat ke-5** dalam Kategori Sekolah Menengah di PICC Putrajaya.



YAYASAN JCORP PERHEBAT KARNIVAL BAHASA INGGERIS 2025

Meneruskan kejayaan sebagai penganjur utama pada tahun sebelumnya, Yayasan JCorp sekali lagi bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi menjayakan Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor 2025. Acara ini berlangsung pada 3 & 4 September 2025 di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Acara dua hari ini yang menjadi platform meraikan kemahiran dan ekspresi bahasa menghimpunkan 250 pelajar daripada 11 daerah untuk bersaing dalam pelbagai cabaran Bahasa Inggeris, termasuk *Scrabble*, *Dare to Spell*, Deklamasi Sajak, Pengucapan Awam, *Storytelling*, serta penghasilan Dokumentari Mini.

Juara Keseluruhan bagi kategori sekolah rendah dan menengah masing-masing diraih oleh daerah Batu Pahat dan Kulai, manakala anugerah khas untuk *Best Impromptu Poem* dimenangi oleh SMK Bandar Putra 2, Kulai. Senarai penuh pemenang bagi setiap pertandingan adalah seperti berikut:


Acara Pertandingan	Juara Sekolah Rendah	Juara Sekolah Menengah
Dokumentari Mini	SK Mohd Khir Johari, Johor Bahru	SMK Taman Daya, Pasir Gudang
<i>Dare to Spell</i>	SK Sri Skudai, Johor Bahru	SMK Tun Aminah, Batu Pahat
Deklamasi Sajak	SK (Felda) Tenggaroh 6, Mersing	SMK Bandar Putra 2, Kulai
<i>Scrabble</i>	SK Bukit Hampar, Segamat	SMK Tinggi Kluang, Kluang
Pengucapan Awam	SK Tengku Mariam, Batu Pahat	SMK SEG Hwa, Segamat
<i>Storytelling L1</i>	SJK (T) Labis, Segamat	
<i>Storytelling L2</i>	SK Bandar T6, Kluang	

Fan Favourite Awards:

Acara Pertandingan	Juara Sekolah Rendah	Juara Sekolah Menengah
Dokumentari Mini	SJKC Chi Ming 1, Tangkak	SMK Ledang Tangkak
Deklamasi Sajak	SJKC Pei Yang Muar	SMK Canossian Convent Segamat
Pengucapan Awam	SJKT Taman Tun Aminah, Johor Bahru	SMK Sri Mersing
<i>Storytelling L1</i>	SK Bandar Penawar 2 Kota Tinggi	
<i>Storytelling L2</i>	SJKC Cheng Siu 2, Batu Pahat	



Jumlah penyertaan (2023-2025):



Objektif Program

Meningkatkan kemahiran dan kreativiti pelajar dalam Bahasa Inggeris.

Memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi idea mengenai isu-isu semasa.

Membina keyakinan dan kepimpinan dalam kalangan generasi muda Johor.

Impak Program

Seramai **10,265 pelajar** dari 11 daerah menyertai Karnival Bahasa Inggeris Yayasan JCorp, manakala 250 pelajar mara ke Peringkat Negeri Johor.



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut mengenai Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor 2025, di mana Yayasan JCorp menemu buat guru-guru yang berkongsi bagaimana platform ini memberi peluang kepada pelajar untuk membina keyakinan diri, mengasah kemahiran komunikasi serta mampu menghasilkan idea kreativiti.

GRADUAN PERTAMA ADi: BERSEDIA MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN

Seramai 22 belia Johor daripada keluarga B40 berjaya menamatkan latihan sebagai kumpulan pertama graduan Akademi Dalam Industri (ADi), iaitu program kerjasama antara Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, QSR Stores Sdn Bhd, dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Majlis graduasi diadakan pada 9 September 2025 di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor, dan disempurnakan oleh YB Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor. Hadir sama ialah Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp; Dr Sharifah Musainah Syed Alwi, Ketua Pegawai Sumber Manusia QSR Brands; Puan Nor Asmah Daud, Pengarah JPK Wilayah Selatan dan Encik Ali Zainalabidin

Syed Mohamed, Timbalan Pengarah Perancangan & Pengurusan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Dilengkapi dengan Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 2 & 3), SPM, dan MPAK, serta pengalaman kerja sebenar di industri, mereka kini bersedia untuk melangkah ke dunia pekerjaan bagi memulakan masa depan yang cerah untuk diri dan keluarga.



Objektif Program

Membuka peluang kepada belia kurang berkemampuan untuk mengikuti latihan vokasional sekali gus mempertingkatkan peluang kerjaya dan pendidikan tinggi.

Menggabungkan pembelajaran akademik dengan latihan sebenar di tempat kerja.

Menyediakan tenaga kerja muda berkemahiran selaras dengan keperluan industri Johor dan negara.

Pencapaian Program

22 pelajar tamat sebagai kumpulan pertama graduan ADi.

99% lulus SPM, **100%** lulus MPAK dan semua layak mendapat sijil SKM Tahap 2 & 3, serta **seorang pelajar berjaya memperoleh keputusan semua A.**

Dari 2023 hingga 2025, program ini telah melatih **89 pelajar** di mana seramai 25 pelajar bagi tahun 2023; 38 pelajar bagi tahun 2024; dan 26 pelajar bagi tahun 2025 melibatkan 16 pelajar di QSR dan 10 pelajar di KPJ Healthcare Berhad.



Saksikan bagaimana ADi mencipta impak dari bilik darjah ke tempat kerja dan bagaimana tugas sebagai pelajar tidak menghalang mereka menjadi tenaga kerja mahir.





PENTAS SENI JOHOR X RIMBA FEST 2025: APABILA SENI BERGABUNG DENGAN ALAM!

Yayasan JCorp dengan kerjasama Coaction Event telah menganjurkan Pentas Seni Johor x RIMBA FEST 2025 pada 6 Julai 2025 di Taman Sireh, Iskandar Puteri bagi meraikan kepelbagaian budaya dan seni Johor.

Bersempena Tahun Melawat Johor 2026, acara ini mempromosikan kemeriahan budaya Johor melalui seni persembahan dan kebudayaan serta usaha komuniti bagi memperkasa ekonomi tempatan.

Gandingan harmoni tarian dan muzik tradisional Melayu, Cina, dan India serta peragaan Kain Benang Johor telah dipersembahkan pada program tersebut.

Selain persembahan dan pameran, Bengkel Henna dan Terrarium turut menjadi daya tarikan apabila 50 peserta menyertai aktiviti kreatif ini yang menggabungkan seni dan alam.

Objektif Program

Mempromosikan seni dan budaya Johor sebagai platform untuk menentengahkan bakat artis serta komuniti tempatan.

Memperkasa ekonomi setempat dengan membuka peluang penajaan pendapatan kepada para peserta.

Menarik minat pengunjung tempatan dan pelancong, selaras dengan kempen Tahun Melawat Johor 2026.

Impak Program

1,000 penonton
hadir ke acara Pentas Seni Johor

50 peserta
mengambil bahagian dalam Bengkel Henna dan Terrarium

40 artis
memeriahkan acara Pentas Seni Johor

RM40,000
pendapatan terkumpul dijana dalam tempoh 2 hari program berlangsung



Imbas kod QR untuk menyaksikan Pentas Seni Johor di RIMBA FEST 2025.





BUKAN SEKADAR SENI, IA PEMANGKIN SEMANGAT BAHARU: PENTAS SENI JOHOR @KOTAJAIL

KotaJail Johor Bahru bertukar menjadi sebuah pentas yang penuh dengan persembahan, warisan dan kepelbagaian budaya apabila menjadi tuan rumah kepada Pentas Seni Johor dari 1 hingga 3 Ogos 2025. Program tiga hari anjuran Yayasan JCorp bersama JOHO ini telah berjaya menarik lebih 15,000 pengunjung dengan menampilkan barisan persembahan ikonik daripada Koprata, The Times, Statik, serta persembahan tradisional merangkumi zapin, komping, tarian India dan paluan rebana.

Pentas Seni Johor lebih daripada sekadar persembahan. Setiap sudut acara, daripada teater yang memukau, mural yang penuh warna, gerai jualan kreatif sehinggalah pameran keris yang mengagumkan, ia direka dengan teliti bagi menghubungkan semula masyarakat Johor dengan akar budaya mereka. Inisiatif ini turut meraikan kepelbagaian identiti negeri Johor sambil memberikan sokongan kepada artis, penggiat kraf, vendor dan para usahawan di KotaJail itu sendiri.

Turut hadir ialah Encik Mohammad Nazrul Abd Rahim, Pengarah Tourism Johor serta Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.

Secara keseluruhan, Pentas Seni Johor tampil sebagai sebuah simfoni yang meraikan kreativiti, rasa ingin tahu dan semangat komuniti. Ia bukan sahaja mengangkat kekayaan identiti negeri Johor, malah mencerminkan masa depan yang inklusif dan progresif melalui gabungan seni dan budaya.

Objektif Program

- Mengangkat KotaJail sebagai hab kreatif di Malaysia.
- Memacu pertumbuhan ekonomi kreatif.
- Menjadi penggerak aktiviti pelancongan bagi Tahun Melawat Johor 2026.

Impak Program

- **15,000** pengunjung tempatan dan antarabangsa memeriahkan program ini.
- **80** artis dan artisan menyertai program ini dengan jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM87,000



Imbas kod QR untuk menyaksikan maklum balas mengenai Pentas Seni Johor di KotaJail.



MENYATUKAN HATI, MERAIKAN BUDAYA: KERETAPI SARONG 2.0 X PENTAS SENI JOHOR 2025!

Lebih 5,000 pengunjung memeriahkan acara Keretapi Sarong 2.0 x Pentas Seni Johor pada 13 September 2025. Berkonsepsi sambutan Hari Malaysia di Laman Rel Mahkota, Kluang, acara ini menggabungkan warna-warni budaya, hiburan dan pengalaman komuniti yang menyeronokkan.

Perjalanan bermula dari JB Sentral ke Kluang, di mana peserta menikmati suasana meriah di dalam kereta api dengan persembahan busker, tarian budaya dan sesi nyanyian bersama. Setibanya di lokasi acara utama, pengunjung disambut dengan persembahan tradisional seperti zapin, tarian singa, tarian klasik India dan tarian pribumi. Suasana kemudiannya bertambah meriah dengan persembahan pentas oleh artis tempatan termasuk Aishah Retno, Noh Salleh, Khatulistiwa, Keyin, Luqman Podolski dan ramai lagi. Selain persembahan, pelbagai bengkel kreatif seperti pembuatan wau mini, terrarium dan permainan tradisional turut diadakan dan menjadikan acara ini lebih interaktif serta mengeratkan hubungan komuniti.

Tahun 2025 merupakan kali kedua Yayasan JCorp menganjurkan acara Keretapi Sarong selepas penganjuran kali pertama pada 2024. Pada tahun ini juga Yayasan JCorp menerima pengiktirafan atas peranannya sebagai rakan strategik dalam memupuk budaya dan memperkasakan komuniti.

Turut hadir pada program ini ialah YB Syed Hussien Syed Abdullah, ADUN Mahkota, Encik Mohammad Nazrul Abdul Rahim, Pengarah Tourism Johor, YB Tuan Chew Chong Sin, ADUN Mengkibol, Encik Raja Taufik Azad Ahmad Suhaimi, Ketua Komunikasi Strategik IRDA, serta Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.



Objektif Program

- ▶ Mengangkat kepelbagaian budaya Johor.
- ▶ Memperkasa ekonomi setempat.
- ▶ Menjadi acara utama bagi Tahun Melawat Johor dan Malaysia 2026.



Bersama kita meraikan identiti unik kita sebagai rakyat Malaysia iaitu kesatuan dalam kepelbagaian. Jom sama-sama saksikan video Keretapi Sarong 2025 x Pentas Seni Johor.



Impak Program

- Menarik **9,275** pengunjung
- Penyertaan **124** artis dan artisan tempatan
- Melibatkan **60** kakitangan Kumpulan JCorp
- Pendapatan berjumlah **RM78,000** berjaya dihasilkan





MENEROKA EKOSISTEM RUMPUT LAUT, KHAZANAH TERSEMBUNYI DI PERAIRAN JOHOR!

Sebagai komitmen berterusan terhadap pemuliharaan marin, Yayasan JCorp telah melancarkan Program Seagrass Ecotourism Experience pada 2 Julai 2025 bertempat di KampungStay @ Teluk Buih, Mersing. Inisiatif ini merupakan kerjasama antara Yayasan JCorp, Universiti Malaya dan Pejabat Daerah Mersing, dengan matlamat mempromosikan pelancongan mampan serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan marin Johor.

Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp dan Encik Mohd Amin Kadiman, Timbalan Pengarah Tourism Johor.

Dalam program ini, seramai 30 peserta melibatkan agensi kerajaan, ketua kampung, penyelidik Universiti Malaya, NGO, pengusaha pelancongan tempatan, nelayan dan ahli komuniti telah mengambil bahagian dalam Seagrass Nature Walk di Pulau Setindan yang merupakan antara kawasan marin terkaya di Johor. Di bawah bimbingan Dr. Jilian Ooi, Profesor Madya dari Universiti Malaya, para peserta didedahkan kepada spesies rumput laut unik di perairan Malaysia, hidupan marin yang bergantung kepada habitat ini, serta kaedah pemantauan rumput laut bagi menilai kesihatan ekosistem. Pengalaman secara langsung ini membantu peserta memahami peranan kritikal rumput laut dalam menyokong biodiversiti marin dan menjadi mata pencarian komuniti pesisir.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Nazif bin Elias, Penolong Pegawai Daerah Mersing yang mewakili Pegawai Daerah Mersing. Majlis turut dihadiri oleh



Objektif Program

Meningkatkan pemahaman orang ramai tentang peranan ekosistem rumput laut sebagai teras kemampanan marin dan ketahanan iklim.

Memperkasa komuniti setempat untuk terlibat secara aktif dalam pemuliharaan jangka panjang serta penjagaan ekosistem pesisir.

Menjadikan pemuliharaan rumput laut sebagai pemangkin kepada ekopelancongan mampan dan pembangunan ekonomi yang inklusif.

Impak Program

Seramai

55 peserta

merangkumi penyelidik, NGO, sukarelawan dan pengusaha tempatan terlibat secara langsung dalam program ini.

Setiap peserta berperanan sebagai duta alam sekitar serta mempengaruhi komuniti ke arah pemeliharaan alam.

Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan rumput laut yang kurang diberi perhatian dengan lebih **10 liputan media berkuasa tempatan** dan pihak memberikan penekanan tentang peranannya.

Dengarkan pengalaman peserta yang menyertai program Seagrass Ecotourism Experience pada 1 & 2 Julai 2025.



REHABILITASI TERUMBU KARANG, MEMPERKASA KOMUNITI

Yayasan JCorp meneruskan komitmen jangka panjang terhadap pemuliharaan marin melalui program Rehabilitasi Terumbu Karang di Pulau Aur, Mersing. Program yang berlangsung dari 18 hingga 20 Julai 2025 ini merupakan kesinambungan inisiatif yang dimulakan pada tahun 2023 bagi memulihkan ekosistem terumbu yang terjejas serta memelihara biodiversiti dasar laut.

Pada tahun 2025, sebanyak 200 terumbu karang baharu telah ditanam, sekali gus memperluas kawasan terumbu karang Yayasan JCorp kepada 60m x 55m. Hasil pemantauan menunjukkan pertumbuhan terumbu karang yang sihat dengan purata 2cm sejak 2023 serta tiada tanda tekanan atau kerosakan. Kawasan terumbu karang tersebut kini menjadi habitat kepada lebih 10 spesies marin, termasuk Bluefaced Angelfish, Regal Angelfish dan False Clown Anemonefish.

Melalui kerjasama dengan Reef Check Malaysia, program tahun ini turut memperkenalkan kaedah pemuliharaan berteraskan ekoinovasi. Antara pendekatan tersebut ialah penggunaan botol kaca sebagai asas penanaman terumbu karang, yang membantu mengurangkan sisa dan kos, di samping merangsang pemulihan ekosistem. Sebuah struktur khas baharu berupa arca bertulisan "JCorp" yang diperbuat daripada konkrit dan simen hijau telah diturunkan di kawasan terumbu karang bagi menggalakkan pengembangan habitat serta biodiversiti di kawasan tersebut.

Selain usaha pemuliharaan, program ini turut melibatkan aktiviti komuniti seperti pembersihan pantai yang berjaya mengumpulkan 350kg sisa, serta penyerahan sumbangan tunai kepada penduduk Pulau Aur. Aktiviti santai seperti permainan tradisional Sukan Rakyat turut dianjurkan. Pada waktu malam, suasana diserikan dengan persembahan Pentas Seni Johor: Aur Idol yang memberikan peluang kepada penduduk setempat menonjolkan bakat mereka.

Objektif Program

- Memperkukuh ekosistem terumbu karang melalui penambahan fragmen baharu.
- Meningkatkan biodiversiti dengan menambah baik habitat terumbu karang.
- Memperkasa komuniti tempatan dengan kemahiran serta kefahaman tentang pemuliharaan alam sekitar.

Impak Program

- Sebanyak **250 terumbu karang** berjaya ditanam sejak inisiatif ini dimulakan pada 2023.
- **RM34,300** telah disumbangkan kepada komuniti Pulau Aur.
- Terumbu karang yang ditanam menunjukkan pertumbuhan lebih 2cm dan kekal sihat, menjadikan kawasan tersebut didiami oleh lebih 10 spesies habitat marin.



Saksikan pandangan pakar marin mengenai program rehabilitasi terumbu karang oleh Yayasan JCorp.

BENGGKEL KEMAHIRAN YAYASAN JCORP UNTUK GOLONGAN KURANG UPAYA 2025

Yayasan JCorp dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan program bagi membantu golongan kurang upaya kembali bekerja. Program ini memberi sokongan menyeluruh dengan menghubungkan peserta kepada peluang pekerjaan yang sesuai serta menyediakan peralatan dan bantuan yang diperlukan untuk memulakan kerjaya baharu mengikut kebolehan dan minat mereka.

Latihan dalam program ini dijalankan oleh Johor Skills Development Centre (JSkills) melalui modul khusus yang memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal, keupayaan komunikasi dan persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Antara kursus yang ditawarkan ialah Kursus Operasi Penjagaan Kebersihan, yang memberikan latihan asas untuk mengurus kebersihan dan keselamatan ruang awam, serta Kursus Operasi Penjagaan Rumah, yang mengajar teknik pembersihan dan pengurusan rumah mengikut kemampuan peserta. Semua latihan disesuaikan agar sesuai dengan keupayaan fizikal, sensori dan mental golongan kurang upaya, termasuk panduan dan alat bantu untuk tugas harian.

Program ini bukan sahaja membantu peserta mendapatkan pekerjaan, malah memperkasakan mereka untuk kembali berdikari serta menyumbang kepada ekonomi. Inisiatif ini juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap kebolehan golongan kurang upaya dalam dunia pekerjaan.



Objektif Program

Menghubungkan golongan kurang upaya dengan peluang pekerjaan yang sesuai.

Membekalkan kemahiran yang relevan dan diperlukan oleh pasaran semasa.

Membantu mereka memperoleh pekerjaan serta menjamin kelangsungan hidup dari segi kewangan.

Bil.	Kursus	Bilangan penyertaan	Tarikh	Tempat
1.	Operasi Penjagaan Rumah	15	21 - 25 Julai 2025	Johor Skills Development Centre (JSkills), Pasir Gudang
2.	Operasi Penjagaan Kebersihan	15	25 - 29 Ogos 2025	Johor Skills Development Centre (JSkills), Pasir Gudang

Impak Program

- Seramai **30 peserta** berjaya dibimbitkan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.
- Peserta berpeluang bekerja dalam sektor perhotelan, penjagaan kesihatan, serta syarikat-syarikat dalam Kumpulan JCorp.



Saksikan segmen khas kursus ini yang disiarkan dalam BERNAMA TV pada 18 September 2025.





1,111 POKOK BAKAU DITANAM DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH HIJAU!

Yayasan JCorp bersama KPJ Bandar Maharani Specialist Hospital telah menanam 1,111 pokok bakau di Laman Bakau Parit Kassim, Muar, Johor, sebagai usaha menyokong masa depan yang lebih hijau di bawah inisiatif *One Million Roots for the Future* (1MRFF) oleh Johor Plantations Group. Seramai 80 sukarelawan daripada Johor Corporation dan Syarikat Dalam Kumpulan menyertai program ini.

Angka 1,111 dipilih secara khusus menandakan ulang tahun KPJ Bandar Maharani Specialist Hospital yang ke 11 dan sebagai simbol pencapaian yang menyumbang kepada perlindungan ekosistem pesisir, pengurangan jejak karbon dan pengukuhan biodiversiti di Muar.

Kerjasama ini menggambarkan komitmen Yayasan JCorp untuk 'Membela', selari dengan usaha menjamin kesejahteraan masyarakat dan memulihara alam sekitar demi masa depan yang lestari dan sejahtera.

Hadir sama pada program ini ialah Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp; Encik Prathaban Sevaraman, Ketua Pegawai Eksekutif KPJ Bandar Maharani Specialist Hospital; Encik Saravanan Desigamanie, Ketua Kumpulan Kelestarian, KPJ Healthcare Berhad; Tuan Haji Rashid Basiran, Pengurus Besar Jabatan Kelestarian, Johor Plantations Group Berhad; dan Encik Mohd Afezan Yahya, Penghulu Mukim Parit Jawa.



Objektif Program

- ▶ Memulihara dan melindungi ekosistem bakau bagi meningkatkan daya tahan pesisir terhadap hakisan, banjir dan perubahan iklim.
- ▶ Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui peningkatan penyerapan karbon.
- ▶ Menyediakan habitat penting untuk flora dan fauna demi menyokong ekosistem yang lebih sihat.
- ▶ Memupuk kesedaran dan sikap proaktif terhadap kemampuan dalam kalangan peserta.
- ▶ Menyokong matlamat kemampuan global melalui inisiatif *One Million Roots for the Future* (1MRFF).



Hayati bagaimana usaha penanaman bakau ini menyokong kehidupan pesisir, masyarakat setempat dan masa depan.

Impak Program

1,111

pokok bakau ditanam yang menyumbang kepada perlindungan pesisir dan perluasan habitat dalam jangka masa panjang.

Pokok bakau mampu menyerap 3 - 5 kali ganda lebih karbon berbanding hutan tropika lain.

Meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar menerusi penyertaan

80 sukarelawan





SUKU TAHUN YANG DINAMIK: PENGLIBATAN DAN ACARA YAYASAN JCORP, SUKU KE-2 2025

Suku ketiga 2025 menzahirkan komitmen teguh Yayasan JCorp dalam memajukan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat di Johor serta kawasan sekitarnya. Sepanjang tempoh ini, Yayasan JCorp melaksanakan pelbagai inisiatif, daripada usaha pemuliharaan alam sekitar hinggalah program khidmat masyarakat yang berimpak tinggi dengan matlamat memperkaya kehidupan dan mewujudkan perubahan jangka panjang. Kebanyakan inisiatif ini dijayakan melalui kerjasama strategik bersama organisasi terkemuka yang menggabungkan kepakaran, sumber, dan rangkaian yang diperlukan untuk memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Berpandukan semangat bersama terhadap pertumbuhan mampan, Yayasan JCorp dan rakan-rakan strategiknya telah mencatat kemajuan yang ketara melalui usaha kolektif ini, meningkatkan kualiti hidup serta memperkasa kapasiti komuniti.



Ringkasan penglibatan dan aktiviti kami dari Julai hingga September 2025:



Seagrass Ecotourism Experience di Pulau Setindan, Mersing. Diketuai oleh Dr. Jilian Ooi, Profesor Madya di Universiti Malaya, seramai 55 peserta berpeluang meneroka spesies rumput laut unik yang terdapat di perairan Malaysia. Mereka juga diperkenalkan kepada pelbagai hidupan laut yang bergantung kepada habitat ini. Sebagai ekosistem yang penting, ekosistem rumput laut berfungsi sebagai kawasan pembiakan dan mencari makan bagi spesies hidupan laut yang kebanyakannya mempunyai nilai ekonomi dan ekologi yang tinggi.



Yayasan JCorp dengan kerjasama Coaction Event mengadakan Pentas Seni Johor x RIMBA FEST 2025, sebuah festival budaya yang berwarna-warni di Taman Sireh, Iskandar Puteri. Acara ini mempamerkan kepelbagaian budaya Johor yang unik sambil memperkasakan ekonomi tempatan melalui seni, budaya, dan inisiatif komuniti, sejajar dengan sokongan terhadap Tahun Melawat Johor 2026.



Majlis pelancaran Cabaran Kaca Pun Boleh! telah berlangsung di Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC), Johor Bahru, dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Rashid bin Kasman, Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mewakili Datuk Bandar Johor Bahru.



Yayasan JCorp menyumbang RM100,000 bagi membantu pesakit kanser melalui Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (TLJCF). Sumbangan ini disampaikan semasa acara Majlis Makan Malam Amal Dan Konsert *Symphony For Hope: A Decade of Compassion* yang berlangsung di Permaisuri Zarith Sofea Opera House, Johor Bahru. Dalam majlis tersebut, Encik Rozaini Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp, menyerahkan cek replika kepada Ahli Lembaga TLJCF, YB Dato' Ismail Karim.



Yayasan JCorp menganjurkan Program Rehabilitasi Terumbu Karang di Pulau Aur, Mersing dengan penyertaan lebih 50 anggota pekerja daripada Johor Corporation dan Syarikat Dalam Kumpulan. Acara ini memberi peluang kepada para peserta untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti seperti pemulihan terumbu karang, pembersihan pantai, Pentas Seni Johor, serta pelbagai program interaktif lain bersama komuniti tempatan.



Majlis Pelancaran B1 Booster - Modul ACE Your SPM English telah berlangsung di Cerebrum, Tingkat 24, Menara KOMTAR, Johor Bahru. Modul inovatif ini dirangka untuk memperkukuhkan kualiti pendidikan Bahasa Inggeris di seluruh Johor dan berperanan sebagai panduan praktikal bagi guru dan pelajar. Ia direka khusus untuk mempertingkatkan pemahaman dan penyampaian guru sambil memastikan semua kandungan selaras dengan kehendak terkini peperiksaan SPM. Dibangunkan oleh 25 guru pakar Bahasa Inggeris, modul ini memberi manfaat kepada 39 sekolah menengah yang menyertai projek tuisyen Bahasa Inggeris Yayasan JCorp bagi tahun ini. Turut hadir ialah Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Puan Wan Su binti Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp.



Yayasan JCorp dengan kerjasama Johor Skills Development Centre dan PERKESO menganjurkan Bengkel Kemahiran Operasi Penjagaan Rumah khas untuk orang kurang upaya (OKU). Bengkel selama 5 hari ini memberi peluang kepada 15 individu OKU untuk mempelajari dan mengasah kemahiran praktikal dalam penjagaan rumah. Mereka dibimbing oleh ahli profesional dalam industri termasuk Encik Zahrin Saniman, Pengarah Eksekutif Easy Clean & Services Sdn Bhd, dan Puan Emi Azlin Abd Rahman, jurulatih dari JLG Duraclean, yang mengetuai sesi demonstrasi secara langsung, memberi bimbingan dan panduan praktikal bagi memastikan setiap peserta dapat belajar mengikut kemampuan sendiri sambil membina keyakinan dalam kebolehan masing-masing.



Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor melancarkan Rumah Hijau Pertanian Pintar di SMK Buloh Kasap, Segamat dan SMK Seri Medan, Batu Pahat sebagai sebahagian daripada Program Sustainable School - STEM Yayasan JCorp. Rumah hijau seluas 600 kaki persegi tajaan Yayasan Sultan Ibrahim Johor yang dikuasakan oleh IoT ini membolehkan penanaman dan pemantauan sehingga 2,000 pokok sayur berdaun hijau secara dalam talian, sekali gus memastikan keterjaminan makanan dan pertanian pintar dalam kalangan pelajar. Majlis pelancaran di SMK Buloh Kasap dirasmikan oleh Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp dan dihadiri oleh wakil daripada Yayasan Sultan Ibrahim Johor, Urban Farm Tech, dan JPNJ. Sementara itu, majlis pelancaran di SMK Seri Medan dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan dihadiri oleh Encik Mohd Anizam Jamian, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sultan Ibrahim Johor; Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp; dan Encik Francis Chuah, Ketua Pegawai Eksekutif Urban Farm Tech Sdn Bhd.



Yayasan JCorp menganjurkan Pentas Seni Johor 2025 di KotaJail, Johor Bahru dengan kerjasama JOHO dan JCS Store. Acara ini menjadi wadah budaya yang mempamerkan seni dan kreativiti sambil menghargai kepelbagaian identiti negeri serta menyokong artis tempatan, penggiat kraf, peniaga, dan usahawan KotaJail. Majlis penutup diserikan dengan kehadiran YBhg Encik Mohamad Nazrul bin Abd Rahim, Pengarah Tourism Johor serta Puan Zaidatul Zurita bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.



Yayasan JCorp memperluas program Akademi Dalam Industri (ADi) ke KPJ Bandar Dato' Onn Specialist Hospital, sekali gus mengukuhkan komitmennya dalam memperkasa golongan belia melalui pembelajaran berasaskan industri. Peluasan ini dijayakan dengan kerjasama Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, KPJ Bandar Dato' Onn Specialist Hospital dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Selatan. Seramai 10 pelajar terpilih dari SMK Majidi Baru 2 memulakan pembelajaran selama dua tahun yang menggabungkan pengajian akademik dan pengalaman praktikal. Setelah tamat program, para pelajar akan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3), dan Sijil MPAK (Mata Pelajaran Aliran Kemahiran), suatu pensijilan yang komprehensif bagi memastikan semua graduan bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Bagi meraikan pelajar ini, majlis penyerahan surat tawaran telah diadakan di Dewan Anugerah, KPJ Bandar Dato' Onn Specialist Hospital sebagai tanda bermulanya perjalanan mereka. Majlis tersebut turut dihadiri ibu bapa, tenaga pengajar dan barisan pengurusan seperti Puan Maisarah binti Omar, Ketua Pegawai Eksekutif (Wilayah Selatan), KPJ Healthcare Berhad, serta Encik Zulkurnain bin Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Pada majlis tersebut juga diadakan sesi saringan kesihatan untuk para perantis.



Yayasan JCorp menganjurkan Pertandingan Choral Speaking Peringkat Negeri Johor 2025 di KOMTAR JBCC, Johor Bahru. Pada tahun ini, pertandingan tersebut menghimpunkan 22 sekolah dari 11 daerah, melibatkan penyertaan 220 pelajar yang membuat persembahan penuh bertenaga dan menonjolkan keyakinan, kreativiti, disiplin serta semangat berpasukan.



Yayasan JCorp menerima kunjungan daripada delegasi Sarawak Energy Sdn Bhd bagi meninjau manfaat pemerkasaan yang dibawa melalui inisiatif Rumah Hijau Pintar. Dengan enam Rumah Hijau Pintar telahpun siap dibina setakat ini, lawatan tersebut menjadi platform untuk memperlihatkan bagaimana inisiatif ini dapat mengintegrasikan kelestarian dan teknologi dalam pendidikan, serta bertukar pandangan mengenai cara pertanian pintar dapat mencetus inovasi serta membina komuniti yang berdaya saing di masa hadapan. Delegasi diketuai oleh Encik Jiwari Abdullah, Pengurus Besar, Pengurusan Impak Sosial, Sarawak Energy Sdn Bhd, bersama Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp, dan Encik Hisham bin Abdul Hamid, Penolong Pengarah Kanan ICT, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



Yayasan Johor bersama SWM Environment memulakan siri jelajah sekolah bagi Cabaran Kaca Pun Boleh! di SK Parit Kudus, Pontian dengan sesi kesedaran alam sekitar untuk para pelajar dan guru. Sesi tersebut menggalakkan peserta melihat kelestarian sebagai amalan harian, cara menguruskan sisa dengan bertanggungjawab hinggalah memahami kepentingan memelihara sumber semula jadi. Para pelajar amat tertarik untuk mengetahui bagaimana usaha kecil seperti mengasingkan sisa yang betul dan mengitar semula botol kaca dapat mengurangkan sisa ke tapak pelupusan serta melindungi alam sekitar. Sesi ini turut menyerlahkan komitmen Yayasan JCorp dalam membentuk warganegara yang bertanggungjawab melalui pendidikan dan kesedaran. Walaupun ia sebuah sekolah luar bandar, SK Parit Kudus jelas mempamerkan semangat dan jiwa komuniti yang tinggi, membuktikan bahawa kesedaran alam sekitar mampu berkembang di mana sahaja apabila ilmu disampaikan dengan penuh dedikasi dan dengan penekanan yang betul.



Di SJKC Masai, Yayasan JCorp bersama SWM Environment meneruskan usaha kesedaran alam sekitar melalui inisiatif Cabaran Kaca Pun Boleh! Sesi ini menghimpunkan pelajar daripada pelbagai latar belakang dalam perbincangan bersama mengenai kelestarian. Yayasan JCorp berkongsi pandangan tentang pengurangan sisa, perlindungan biodiversiti serta implikasi jangka panjang menerusi perubahan gaya hidup yang kecil. Walaupun pertandingan berfokus kepada kitar semula botol kaca, sesi ini memperluas perspektif pelajar terhadap peranan tindakan harian dalam memelihara alam sekitar. Penglibatan aktif para pelajar menunjukkan bahawa kesedaran alam sekitar boleh memupuk nilai bersama yang mengukuhkan komuniti. Program ini mengukuhkan komitmen Yayasan JCorp terhadap pendidikan inklusif dan pemupukan penjagaan alam sekitar dalam kalangan generasi muda Johor.



Yayasan JCorp dan JPG mengadakan lawatan ke Wang Kelian, Perlis, bagi meninjau peranan penyelidikan dan pengetahuan komuniti dalam membentuk persekitaran di mana manusia dan alam dapat berkembang seiring. Lawatan ini menekankan kepentingan ekosistem Wang Kelian yang merupakan komponen penting dalam mengekalkan biodiversiti, menyokong sumber pendapatan serta memajukan ekopelancongan. Antara aktiviti menarik termasuk trek sejauh 6 km di Denai Warisan bersama Encik Syamil dan pemandu arah tempatan, Ah Long dan Ah Fook, yang membuka peluang peserta meneroka kepelbagaian biodiversiti serta kisah budaya setempat. Lawatan ke Gua Kelam pula menonjolkan warisan semula jadi dan sejarah perlombongan bijih timah, sekali gus memaparkan hubungan rapat antara alam sekitar dan kelangsungan hidup komuniti. Lawatan ini juga mengingatkan bahawa kolaborasi strategik antara sektor awam, swasta dan filantropi mampu mewujudkan impak berkekalan untuk komuniti dan ekosistem bagi generasi akan datang.



Yayasan JCorp dengan kerjasama PERKESO Johor menganjurkan Bengkel Penjagaan Kebersihan khas untuk golongan kurang upaya di Johor Skills Development Centre.

Sepanjang lima hari bengkel berlangsung, 15 peserta berpeluang mendalami amalan kebersihan yang melangkaui rutin harian, sambil membina keyakinan diri dan memupuk sikap berdikari. Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Muhamad Ramli Usrak, Pengurus Besar Operasi dan Perkhidmatan Sokongan JLG Duraclean Sdn Bhd, bersama Encik Noor Rahim bin Elias dan Tc Yazrul Yahya, Eksekutif Kanan, yang berkongsi panduan praktikal serta memberi dorongan berterusan agar peserta dapat mengaplikasikan pembelajaran mereka dalam kehidupan seharian.



Yayasan JCorp menganjurkan Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama

Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Karnival ini menampilkan 250 juara daerah yang dipilih daripada 15,684 peserta dari 11 daerah di Johor. Mereka bersaing dalam enam kategori menarik yang mencabar kreativiti, keyakinan, dan kemahiran bahasa mereka.



Yayasan JCorp bekerjasama dengan Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi (PPD Kota Tinggi) meneruskan inisiatif Growing Together: Trees for Schools. Seramai 60 sukarelawan daripada JPG, Yayasan JCorp, Southern Green Sdn Bhd, Farmbyte Sdn Bhd, PPD Kota Tinggi, KPJ Healthcare University dan PwC Johor bergotong-royong menanam 650 pokok Eugenia Oleina yang berperanan meningkatkan kualiti udara, menyokong biodiversiti, dan mewujudkan persekitaran yang lebih hijau. Yayasan JCorp turut merakamkan penghargaan kepada Tuan Haji Azman bin Safii, Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi, dan Tuan Haji Rashid Basiran, Ketua Kelestarian JPG, atas kehadiran mereka, serta ucapan terima kasih kepada MBBJ atas sumbangan baja kompos kepada semua sekolah terlibat bagi menjayakan program ini.



Seramai 22 belia Johor daripada keluarga B40 menjadi graduan pertama Akademi Dalam Industri (ADi), sebuah program kerjasama antara Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, QSR Brands (M) Holdings Bhd, dan Jabatan Pembangunan Kemahiran. Majlis penganugerahan yang diadakan di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor, telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.



Keretapi Sarong 2.0 x Pentas Seni Johor diadakan di Laman Rel Mahkota, Kluang.

Acara bertemakan keretapi ini dianjurkan dengan kerjasama Iskandar Regional Development Authority (IRDA) di mana peserta berpeluang menikmati pengalaman unik menaiki keretapi sambil diiringi persembahan busker, tarian budaya, dan nyanyian bersama dari JB Sentral ke Kluang. Melalui kerjasama dengan IRDA, Yayasan JCorp terus komited dalam melaksanakan inisiatif Pentas Seni Johor termasuk memartabatkan identiti budaya Johor, memperkukuh ekonomi kreatif, memperkasakan penggiat seni dan budaya, serta menyemai rasa bangga terhadap komuniti.



Yayasan JCorp menyumbang RM8,000 bagi Pertandingan Tarian Singa Tradisional Peringkat Negeri Johor yang diadakan pada 13 dan 14 September 2025 di B5 Johor Street Market, Johor Bahru. Program ini dianjurkan oleh Kelab Tarian Naga dan Singa Long Tian dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kulai. Program ini bertujuan melahirkan lebih banyak pasukan tarian singa di seluruh Johor serta mengenal pasti wakil berpotensi untuk pertandingan peringkat negeri. Acara ini juga menjadi platform untuk memperkenalkan kumpulan baharu yang terdiri daripada bakat-bakat muda sejajar dengan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memelihara warisan budaya serta memperkasa penyertaan belia dalam seni tradisional.



Yayasan JCorp mengadakan Strategic Planning Retreat 2025 dalam menentukan keutamaan strategik bagi tempoh 2026–2030, menilai inisiatif, cabaran, dan peluang semasa, serta membangunkan pelan pertumbuhan untuk memperkukuh peranan dan impak Yayasan semuanya berlandaskan atas tujuan utama iaitu meningkatkan taraf hidup, memperkasa masyarakat, dan mewujudkan nilai berkekalan untuk generasi akan datang. Selain itu, program ini turut menjelaskan peranan Yayasan JCorp dalam struktur Membina & Membela JCorp serta agenda kemampunan Kumpulan. Program ini dihadiri oleh anggota pekerja Yayasan JCorp, Johor Skills, dan Jabatan Sustainability JCorp yang mencerminkan komitmen bersama terhadap kerjasama dan kemajuan kolektif. Peserta turut mendapat inspirasi daripada pandangan beberapa penceramah jemputan yang berkongsi perspektif mereka mengenai pendidikan, perusahaan sosial, warisan budaya, dan impak sosial.



Yayasan JCorp menyumbang barangan elektrik dan makanan KFC bernilai RM20,000 kepada komuniti B40 di Kampung Batu 3, Semenyih, Selangor. Sumbangan ini dijayakan bersama QSR Brands (M) Holdings Bhd sempena Program Kampung Angkat MADANI sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Yayasan JCorp untuk memperkasa komuniti dengan matlamat meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Pemilihan Kampung Batu 3 sebagai lokasi perintis mencerminkan usaha sama kerajaan, rakan korporat, dan komuniti untuk merapatkan jurang pembangunan, memperbaiki akses kepada kemudahan asas, serta mewujudkan peluang ekonomi baharu. Majlis penyerahan sumbangan ini diadakan di Sekolah Rendah Agama Batu 3, Semenyih di mana majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hairil Yahri Yaacob, Setiausaha Agung Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), dan dihadiri oleh Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp.



Jelajah Cabaran Botol Kaca Pun Boleh! diteruskan di SK Kempas, Johor Bahru di mana Yayasan JCorp dan SWM Environment membawakan sesi interaktif mengenai kelestarian dan kepentingan menjaga alam sekitar tanggungjawab bersama. Para pelajar diberi tunjuk ajar bagi memahami bagaimana pengurusan sisa, penjimatan tenaga, dan kitar semula, terutamanya kaca adalah saling berkait dalam usaha melindungi alam sekitar. Yayasan JCorp turut menekankan inisiatifnya di bawah bidang fokus Alam Sekitar yang memberi inspirasi kepada pelajar untuk menjadi contoh dan membuat amalan lestari di rumah. Sambutan hangat daripada pelajar SK Kempas mencerminkan komitmen Yayasan JCorp bahawa kesedaran hari ini membina asas bagi generasi yang lebih hijau dan bertanggungjawab pada masa depan.



Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan Yayasan JCorp berkolaborasi dalam inisiatif Growing Together: Trees for Schools. Seramai 100 sukarelawan daripada guru dan pelajar Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi (SAKTI), JPG, KPJ Healthcare University (KPJHU), dan Johor Skills menanam 460 pokok, termasuk Fagraea fragrans, Rubroshorea singkawang, Anthoshorea roxburghii, Hopea odorata, Dryobalanops aromatica, dan Hopea pubescens. Pokok-pokok ini memperkayakan biodiversiti, meningkatkan kualiti udara, serta mewujudkan persekitaran hijau yang lestari. Penanaman di Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi mencerminkan komitmen bersama terhadap nilai kelestarian dan membina warisan keprihatinan untuk generasi akan datang. Penghargaan istimewa diberikan kepada Pengetua Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi, Tuan Haji Md Zin Bin Dekan atas sokongan beliau serta MBBJ atas sumbangan baja kompos.

Kalendar Acara Akan Datang

Suku Ke-4 2025



Pendidikan

Tarikh

- | Pendidikan | Tarikh |
|--|----------------------|
| 1. Pelancaran DigiLIT: <i>Building a Future Ready Generation</i> - SK Sayong Pinang, Kulai | 27 Oktober 2025 |
| 2. Semarak Perpaduan Bahasa Peringkat Kebangsaan 2025 - Lotus Desaru Beach Resort, Kota Tinggi | 27 - 30 Oktober 2025 |



Seni, Budaya & Warisan

Tarikh

- | Seni, Budaya & Warisan | Tarikh |
|--|---------------------------------|
| 1. Perintis Johor: Kursus Intensif Tenunan Asas - Galeri Tenun, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru | 15 Oktober 2025
- April 2026 |
| 2. <i>3rd Wonderful Nusantara Festival 2025</i> - Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru | 23 - 25 Oktober 2025 |
| 3. Projek Legasi Johor - Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru | 9 Disember 2025 |



Alam Sekitar

Tarikh

- | Alam Sekitar | Tarikh |
|--|------------------|
| 1. Majlis Penutup Cabaran Kaca Pun Boleh - Dewan Jubli Intan, Johor | 2 Disember 2025 |
| 2. Pelancaran <i>The Future Powered Project</i> @ SK Agama Tunjuk Laut | 17 Disember 2025 |



Kesejahteraan Komuniti

Tarikh

- | Kesejahteraan Komuniti | Tarikh |
|--|--|
| 1. Program Saringan Pengesanan Awal dan Terapi Pekerjaan bagi Kanak-kanak
- SK Taman Anggerik, Johor Bahru
- SK Taman Perling 3, Johor Bahru
- SK Seri Intan, Kluang
- SK Tanjung Adang, Johor Bahru | 8 Oktober 2025
9 Oktober 2025
13 Oktober 2025
30 Oktober 2025 |
| 2. Bengkel untuk Pesara - Johor Skills Development Centre, Pasir Gudang | 22 - 28 Oktober 2025 |
| 3. <i>Monsoon Relief: Waves of Support</i> - Pejabat Daerah Mersing | 30 Oktober 2025 |




YAYASAN JOHOR CORPORATION


Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim, Malaysia


Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my


yayasanjcorp.com.my

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp